

Pengurusan harta pusaka masih di tahap rendah

Dari muka 19

"Ia agak rendah kerana hanya lebih kurang 25 peratus daripada enam juta penduduk Malaysia iaitu kira-kira 1.5 juta sahaja telah membuat perancangan awal seperti menulis Wasiat. Apabila kematian berlaku hanya tiga agensi sahaja mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Surat Kuasa iaitu Amanah Raya, Mahkamah Tinggi dan Pejabat Tanah dan Galian.

"Setakat ini, 'market share' bagi Pentadbiran Pusaka adalah lebih kurang 17 peratus Amanah Raya, 18 peratus Mahkamah Tinggi manakala selebihnya melibatkan Pejabat Tanah dan

Galian," katanya ketika *Utusan Malaysia* ditemui di ibu pejabatnya baru-baru ini.

Jelas beliau lagi, sikap bertangguh turut menjadi punca menjadi kesukaran kepada waris-waris si mati apabila menguruskan pusaka berkenaan.

"Hanya 1.5 juta rakyat Malaysia sedar mengenai (wasiat) ini. Jadi, di pihak Amanah Raya kita sedang menyusun pelbagai infrastruktur untuk menelusuri nadi rakyat dengan lebih cekap.

"Antaranya memperkenalkan portal online dan membuka pautan di laman sesawang Amanah Raya untuk melaksanakan Wasiat, Amanah

dan Pusaka, membangunkan sebuah aplikasi yang akan diperkenalkan pada tahun hadapan yang mampu memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membuat persediaan awal seperti

menulis Wasiat agar pentadbiran harta pusaka boleh dilaksanakan dengan lebih mudah apabila meninggal dunia kelak," katanya.

Ahmad Feizal menjelaskan apabila ada seseorang melantik kami (Amanah Raya) untuk sebagai pen-

tadbir untuk mengagihkan pusaka simati, kami akan melaksanakan pengagihan kepada waris-waris yang terlibat mengikut prosedur yang sepatutnya.

"Bagaimanapun, terdapat juga dana yang diletakkan di Amanah Raya secara 'Involuntary'. Contohnya melalui perintah Mahkamah atau wang pampasan di mana kerajaan telah membayar wang tersebut kepada pemilik tanah tersebut namun, pemilik telah meninggal dunia dan penerima tidak dapat dikesan sehingga memerlukan pihak Amanah Raya untuk membantu perkara itu," katanya.



AHMAD FEIZAL
SULAIMAN KHAN

PAMPASAN BERKAITAN TANAH TERTINGGI DI AMANAH RAYA

Amanah Raya Bhd. (Amanah Raya) sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan dana tertanggung sebanyak RM459 juta setakat 30 September 2023 dapat diserahkan kepada waris yang berhak dengan segera.

Dana tertanggung itu sebahagian besarnya berupa wang pampasan tanah milik si mati.

Untuk rekod, pampasan berkaitan tanah merupakan sumber tertinggi dana tersebut iaitu dengan anggaran sebanyak RM285 juta (62 peratus).

Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Raya, Ahmad Feizal Sulaiman Khan berkata, masalah pengagihan berlaku disebabkan maklumat lengkap mengenai penerima atau waris kepada dana tertanggung (sudah mempunyai penama) tidak diberikan kepada Amanah Raya oleh pihak yang menyalurkan wang tersebut.

"Selain itu, terdapat masalah penerima dana tertanggung tidak dapat dikesan akibat telah berpindah dari alamat asal, berhijrah ke luar negara dan sebagainya. Ada juga penerima yang tidak memberikan kerjasama untuk Amanah Raya meneruskan urusan pentadbiran.

"Terdapat juga masalah seperti penerima atau waris dana tertanggung ini dapat dikesan namun, penerima menolak bahu-gan tersebut kerana jumlah yang agak kecil.



Apakah pentadbiran pusaka?

Pentadbiran pusaka merupakan proses pengagihan aset alih dan tidak alih pemiagaan si mati kepada waris-waris yang berhak. Ianya meliputi penyelesaian liabiliti simati dengan pihak ketiga.

Mengapa wasiat penting untuk anda?

- Wasiat adalah tanggungjawab anda kepada yang tersayang. Ia memastikan pusaka anda dapat diagihkan mengikut hasrat anda.
- Kelebihan melantik Amanah Raya sebagai pentadbir pusaka:
 - Khidmat nasihat percuma
 - Syarikat yang kukuh dan boleh dipercayai
 - pentadbiran terus
 - Fi yang berpatutan
 - Perkhidmatan setempat

Perkhidmatan wasiat secara komprehensif di Amanah Raya:

1. Penulisan

- Penulis wasiat profesional dan bertauliah
- Khidmat nasihat Percuma
- Tiada Fi tersembunyi

2. Penyimpanan

- Penyimpanan wasiat secara percuma sepanjang hayat
- Lokasi penyimpanan yang dijamin selamat dan dilindungi
- Kukuh dan dipercayai

3. Pelaksanaan

- Diberi kuasa melaksanakan proses perundangan
- Tidak perlu melantik peguam
- Tertakluk kepada Akta Perbadanan Amanah Raya 1995

lain-lain, merangka tindakan lanjut termasuk menjejaki dan menghubungi waris atau orang yang berkepentingan (sekiranya masih berhubungan), penghebahan secara berkala dan berterusan melalui media sosial, media cetak dan elektronik.

"Selain itu, pihak kami juga menyediakan carian dan heba-han menerusi kaunter bergerak cawangan Amanah Raya di seluruh negara. Kami juga turut menyediakan portal semakan dana tertanggung bagi memudahkan orang awam untuk menyemak sama ada mereka merupakan penerima dana tertanggung.

"Pihak Amanah Raya juga turut melaksanakan kerja lapangan bagi menjejaki waris mengikut kesesuaian dan keadaan semasa," katanya.

Dalam pada itu, pihak Amanah Raya tiada mengenaikan Fi semasa proses tuntutan dana tertanggung kecuali terdapat permohonan pentadbiran pusaka yang baharu.

"Bagi yang mahu menuntut pihak kami memerlukan seperti nama, nombor kad pengenalan, dan alamat terakhir si mati dan maklumat waris dengan mengemukakan permohonan seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat terkini waris, sijil faraid dan beberapa dokumen lain mengikut keperluan kes," katanya.

Kepada mana-mana waris dana tertanggung boleh melayari laman sesawang Amanah Raya di www.amanahraya.my.

■ Lagi berita di muka 26

"Sumber dana tertanggung ini adalah pusaka si mati yang berupa wang pampasan tanah yang telah dibayar oleh kerajaan apabila tanah si mati dibangunkan. Dana tertanggung adalah akaun khas yang menempatkan dana yang belum dituntut oleh waris si mati," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di pejabatnya baru-baru ini.

Jelas Ahmad Feizal lagi,

Amanah Raya hanya berperanan sebagai pemegang amanah kepada Dana Tertanggung tersebut sehingga serahan dibuat kepada waris yang sah.

Secara amnya, dana tertanggung telah wujud sejak tahun 1921 dan pada masa itu Amanah Raya dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka.

Pada tahun 2016, Dana tertanggung secara rasmi diletakkan

di bawah satu jabatan khusus yang kini dikenali sebagai Jabatan Pengurusan Dana Tertanggung.

Dalam pada itu, Amanah Raya menjelaskan, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menjejaki waris kepada dana tertanggung tersebut.

"Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pemprofilan semula fail-fail dana tertanggung mengikut punca, tempoh masa pemegangan, jumlah dana dan